

VIRLESS CREAM

Acyclovir (50mg/g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan VIRLESS CREAM
2. Bagaimana VIRLESS CREAM berfungsi
3. Sebelum mengambil VIRLESS CREAM
4. Cara menggunakan VIRLESS CREAM
5. Semasa menggunakan VIRLESS CREAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan VIRLESS CREAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan VIRLESS CREAM

VIRLESS CREAM digunakan untuk merawat jangkitan kulit oleh virus *Herpes Simplex* (kudis herpes) termasuk jangkitan buat pertama kali dan ulangan *genital herpes* (jangkitan di kemaluan) dan *herpes labialis* (jangkitan di sekitar kawasan mulut).

Bagaimana VIRLESS CREAM berfungsi

Acyclovir ditukarkan kepada bentuk yang lebih aktif di dalam sel-sel badan yang telah dijangkiti dengan virus herpes. Acyclovir aktif berfungsi dengan mengurangkan tahap dan tempoh simptom jangkitan kudis.

Sebelum mengambil VIRLESS CREAM

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil VIRLESS CREAM sekiranya anda alergi atau hipersensitif terhadap acyclovir atau mana-mana bahan yang terkandung di dalam produk ini.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda hamil, menyusu atau sedang menggunakan apa-apa ubat-ubatan yang lain. Doktor anda akan menetukan sama ada VIRLESS CREAM adalah sesuai kepada anda.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan VIRLESS CREAM bersama dengan ubat yang lain. VIRLESS CREAM boleh menyebabkan kesan yang tidak diingini seperti *probenecid* (ubat rawatan gout) dan ubat lain yang mempengaruhi fungsi buah pinggang.

Selain itu, sila beritahu kepada doktor tentang semua ubat yang anda ambil termasuk ubat tanpa preskripsi.

Cara menggunakan VIRLESS CREAM

Berapa banyak harus digunakan

Sapu 5 kali sehari selang setiap 4 jam. Doktor anda akan memulakan rawatan seawal yang mungkin sebaik sahaja jangkitan telah dipastikan.

Bila perlu digunakan

VIRLESS CREAM perlu disapukan mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Ikat seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Biasaannya, rawatan diteruskan selama 5 hari. Jika selepas 5 hari dan keadaan masih belum sembah, doktor mungkin akan menasihatkan anda untuk meneruskan rawatan selama 5 hari lagi.

Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan krim, gunakan secepat mungkin dan teruskan penggunaannya seperti biasa.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Kemungkinan kejadian toksik adalah rendah kerana penyerapan melalui kulit adalah terhad.

Semasa menggunakan VIRLESS CREAM

Perkara yang perlu dilakukan

Anda perlu menggunakan krim ini seperti yang dinyatakan pada label atau mengikuti arahan doktor dan ahli farmasi. Sila berhenti menggunakan VIRLESS CREAM jika mengalami kerengsaan ataupun alahan selepas menggunakan.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan penggunaan pada mata anda atau simpan di tempat yang senang dicapai oleh kanak-kanak. Jangan menelan krim ini, jika kejadian tersebut berlaku, bergegas ke hospital yang terdekat kerana anda mungkin memerlukan rawatan perubatan.

Perkara yang perlu diberi perhatian

VIRLESS CREAM hanya boleh digunakan pada permukaan kulit dan tidak dicadangkan untuk digunakan pada mulut atau membran mukus faraj. Ia tidak boleh digunakan semasa mengandung.

Kesan-kesan sampingan

Antara kesan sampingan yang dilaporkan adalah kerengsaan kulit dan rasa pedih, *pruritis* (gatal) dan ruam.

Sekiranya anda menghadapi kesan sampingan lain atau kesan sampingan yang anda alami berlarutan atau menjadi serius, sila rujuk kepada doktor dengan kadar yang segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel.: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumer→Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan

Penyimpanan

Simpan dalam bekas yang kedap udara. Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada keadaan panas dan lembap.

Pelupusan

Mendapat nasihat daripada doktor atau ahli farmasi tentang cara pelupusan yang betul.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Acyclovir
- Bahan tidak aktif
Stearic acid, cethyl alcohol, propylene glycol, sodium citrate, water methyl paraben, propyl paraben, dimethylpolysiloxane, Span 60, bouquet, Spermaceti synthetic, coconut oil, sorbitan ester, polysorbate, fragrance.

MAL no.

MAL 19972150A

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru
Bangi, 43000 Kajang, Selangor D.E.,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :
28 Oktober 2015

Nombor Siri
BPFK(R4/1)201015/00375